

Selesai segera susun atur pesawat A350

SEPANG: Kementerian Pengangkutan mengarahkan syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB) menyelesaikan segera isu ketidakpuasan hati penumpang terhadap susun atur dalam pesawat baharunya, Airbus A350-900 XWB.

Menterinya, Dato' Sri Liow Tiong Lai berkata, antara perkara yang menjadi perhatian ialah susun atur duduk penumpang dan kekurangan tandas untuk penumpang kelas perniagaan.

"Kita mendapat aduan daripada penumpang mengenai tempat duduk yang tidak selesa dan tandas tidak mencukupi terutama melibatkan kelas perniagaan.

"Saya sudah mengarahkan kepada MAB untuk melihat semula perkara ini dan menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian dengan kelas perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan fasa kedua pusat beli-belah Mitsui Outlet Park (Mitsui) di sini hari ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mitsui Fudosan Asia, Takehito Fukui.

Tiong Lai mengulas isu tersebut yang turut mendapat perhatian dan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Tahun lalu, MAB menerima dua pesawat A350-900 yang merupakan jenis pesawat badan besar dengan menawarkan empat tempat duduk kelas pertama, 35 tempat duduk kelas perniagaan serta 247 tempat duduk kelas ekonomi yang memiliki ruang lebih selesa.

Pesawat menggunakan enjin Rolls-Royce Trent XWB itu memberi penjimatan kos operasi bahan bakar sehingga 25 peratus selain dilengkapi dengan pelbagai ciri baharu termasuk ruang siling lebih tinggi, tingkap lebih besar, pencahayaan dalaman diod pemancar cahaya (LED) serta kemudahan internet secara Wi-Fi.

Pesawat model A350 XWB itu adalah enam pesawat yang akan diterima MAB secara berperingkat-peringkat sehingga Mac ini menerusi pajakan daripada Air Lease Corporation.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 8 | 9 FEBRUARI 2018